

Matrix Show 2013: Transformasi Seni Borneo

Oleh : Massalini Mohd Tahir, Sekolah Pengajian Seni

SERAMAI 64 orang pelajar dengan anggaran karya sebanyak 200 buah akan dipamerkan sempena 'Matrix Show' kali ke-7 bagi tahun 2013. Berbeza dengan 'Matrix Show' yang telah berlalu, pada kali ini ianya akan memaparkan satu transformasi dari aspek persembahan karya yang mana para pelajar memanfaatkan setiap sudut ruang di bangunan Sekolah Pengajian Seni (SPS), Universiti Malaysia Sabah. Hal ini akan memberikan impak besar kepada pembangunan industri seni dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi universiti setelah beberapa karya yang bermutu dijadikan koleksi tetap Sekolah Pengajian Seni untuk tatapan dan rujukan umum.

Beberapa karya daripada disiplin yang berbeza diketengahkan yang mana setiap satunya menyampaikan mesej yang berbeza. Antaranya adalah karya yang bertajuk *Melagau Punai* hasil kelestarian sapuan berus Gazali Tali @ Matali pelajar tahun akhir SPS. Menurut pengkarya penghasilan karya ini adalah untuk mengupas dan memperkenalkan khazanah tradisi masyarakat Kedayan di Sabah. Karya ini merupakan satu transformasi daripada aktiviti harian masyarakat Kedayan iaitu memburu yang merupakan punca utama rezeki mereka. Dalam penghasilan karya ini pengkarya menggunakan pendekatan semi-abstract untuk menyampaikan mesej dengan mengambil reka bentuk *Dukut* iaitu alat yang digunakan semasa memburu. Pengkarya sengaja menggunakan pendekatan dan pencucapan karya sedemikian rupa agar nampak lebih menarik perhatian umum untuk mengetahuinya lebih lanjut.

Karya seterusnya yang dihasilkan seorang mahasiswa berdasarkan cerita rakyat yang mengisahkan kepahlawanan masyarakat Iban di Sarawak. Rayner Goluhing menggunakan besi sebagai bahan perantara dalam karyanya bertajuk *Iban Warrior*. Pengkarya cukup berani kerana melalui tradisi lisan sahaja beliau mampu menjelmakannya dengan paparan visual tiga dimensi (3D) yang berbentuk sebuah arca. Kisah di sebalik arca ini adalah berkaitan dengan kepahlawanan seorang Iban yang bernama *Rentap* yang berjuang menuntut hak masyarakat di sekelilingnya. Dapat dilihat melalui karya ini, perjalanan sebuah cerita masyarakat Iban yang berkonsepkan peperangan mempertahankan hak dan maruah bangsanya daripada terus dijajah yang digabungkan dengan prinsip pergerakan dalam seni visual.

Berbeza dengan disiplin seni halus dan arca, Norasmidayu Mohd Fauzi seorang mahasiswi yang berasal dari Negeri Kelantan cukup bersahaja dengan

menampilkan karya daripada disiplin seramik yang bertajuk *Dancing Teapot of Rungus Women*. Beliau mengkaji penggunaan *Tajau* dalam kalangan masyarakat Murut dan ditransformasikan sebagai sebuah karya seni. Beliau turut menggabungkan beberapa motif Murut pada karya agar tampak lebih menarik dengan kepelbagaian warna dan komposisi. Menurut pengkarya, rekaan ini bertujuan untuk menarik minat masyarakat sekarang agar mengetahui peralatan yang digunakan pada masa dahulu masih lagi relevan untuk digunakan pada masa sekarang terutamanya kepada generasi muda kini.

Bagi Muhammad Hasyir Hashim pula, beliau menggunakan disiplin *Photo Digital* sebagai cara untuk menterjemahkan hasil kajiannya dalam bentuk visual. Pengkarya menghasilkan karya yang berkonsepkan adat dan permainan tradisi masyarakat Iranun di Kota Belud iaitu *Sepak Manggis*. Karya tersebut memaparkan visual berkenaan bagaimana cara permainan sepak manggis dimainkan. Hasil kajian yang telah dijalankan didapati bahawa permainan ini selalunya dimainkan semasa majlis keramaian untuk memeriahkan majlis serta menjalinkan hubungan persaudaraan antara masyarakat Iranun itu sendiri. Pengkarya mengambil beberapa keping gambar daripada pelbagai sudut yang berkaitan dengan permainan sepak manggis. Gambar-gambar tersebut akan digabungkan menjadi sebuah *photo digital painting* yang berkonsepkan permainan tersebut. Gambar-gambar itu kemudiannya diaplikasikan dalam pelbagai teknik dan komposisi yang menarik untuk menghasilkan karya yang lebih matang. Tujuan pengkarya menghasilkan karya ini adalah ingin memperkenalkan masyarakat luar tentang keindahan seni yang terdapat pada masyarakat Iranun dan menarik minat masyarakat luar untuk mengenali masyarakat Iranun ini dengan lebih dekat.

Selari dengan kepesatan media elektronik, Herodis Jaimis pula menterjemahkan hasil kajian beliau dalam bentuk *Dokumentari Video*. Telah diketahui bahawa *Sompoton* merupakan alat muzik tradisional yang 100 peratus dihasilkan menggunakan tumbuhan semula jadi dengan bantuan sedikit perkakasan moden. Pengkarya berpendapat dengan adanya penerbitan dokumentari sebegini mampu menaikkan semula industri pembuatan *Sompoton* dalam masyarakat Kadazandusun yang dijalankan secara tradisional. Keunikan, kesukaran dan ketelitian semasa proses penghasilan *Sompoton* telah menarik minat anak muda ini untuk mendokumentasikan agar budaya tersebut tidak hilang begitu sahaja.

Matrix Show pada kali ini mengajar pelajar bagaimana untuk menjadi seorang mahasiswa dan mahasiswi yang mandiri. Melalui pameran ini setiap pelajar tahun akhir Program Teknologi Seni Visual Sekolah Pengajian Seni Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan mengadakan pemasaran karya secara profesional yang melibatkan karya daripada beberapa disiplin ilmu seni visual sekali gus memartabatkan lagi warisan kesenian yang sudah bertapak lama di kepulauan Borneo.